



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

27 November 2020
11 Rabiulakhir 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Peruntuk RM80j untuk Tabung Bencana Pertanian • Jabatan Perikanan Pahang lepas benih ikan di 10 sungai
Harian Metro	•
Kosmo I	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			24	27/11/2020
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Jabatan Perikanan Pahang lepas benih ikan di 10 sungai

Peluru: Jabatan Perikanan Pahang melepaskan 61,300 benih ikan pelbagai spesies di 10 sungai utama di negeri ini secara serentak, kelmarin.

Pengarahnya Abdullah Jaafar berkata antara sungai utama menjadi lokasi program pelepasan benih ialah Sungai Berus, Kampung Janda Baik, Bentong yang membabitkan sebanyak 11,300 benih ikan lele dan lampan sungai.

Kabarnya, program sama diadakan di Tasik Selemang, Kampung Gua, Lipas dan Sungai Klau, Felda Lembeh, Kluang, Raub membabitkan nyam benih ikan lampan sungai.

Selain itu, di Sungai Kijal, Jerantut 6,000 benih ikan lampan sungai dan Sungai Pahang di Kampung Bagau Tanjung, Temerloh 8,400 benih ikan baung dan lampan sungai.

Pelepasan di Sungai Pahang di Kampung Lubuk Paku, Maran membabitkan 5,000 benih ikan lampan sungai.

Sementara itu, masing-masing 6,000 benih ikan baung dan lampan sungai dilepaskan di Sungai Bers. Bers: Sungai Pahang di Kampung Padang Rumbia, Pekan; di Sungai Keretang di Kampung Bekoh, Rompin dan di Sungai Ulu Kuantan di Kawasan Rekreasi Pasir Puteri, Kuantan.

"Program ini bertujuan memulihara, meningkat dan menjamin kelestarian sumber perikanan sungai, di negeri ini. Ia juga dapat meningkatkan sumber pendapatan komuniti setempat," katanya di sini.

Selain itu, ia dapat meningkatkan sumber pendapatan komuniti setempat khususnya nelayan darat," katanya di sini.

Setiap tahun program pelepasan benih ikan diadakan di sungai utama di negeri ini yang turut mendapat sokongan masyarakat setempat dan nelayan sungai. Jabatan bertanggungjawab menyediakan benih.



Program ini bertujuan memulihara, meningkat dan menjamin kelestarian sumber perikanan sungai, di negeri ini. Ia juga dapat meningkatkan sumber pendapatan komuniti setempat.

Abdullah Jaafar, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang

setempat dan nelayan sungai. Jabatan bertanggungjawab menyediakan benih.

Dalam tempoh enam bulan hingga setahun selepas program pelepasan, ikan boleh dijual dan ketika itu semua pihak perlu bekerjasama mematuhi peraturan di larang seperti meruba dan menggunakan arus elektrik.

"Saya berharap masyarakat dan nelayan menjadi mata dan telaga jabatan dalam memelihara maklumut apa jua kegiatan memulihara undungundang," katanya.



Sekurang 61,300 benih ikan pelbagai spesies dilepaskan Jabatan Perikanan Pahang di sungai utama secara serentak, kelmarin. (Foto Mohd Rafi Ataman/BH)

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO /		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		

Peruntuk RM80j untuk Tabung Bencana Pertanian

Kerajaan berancang menyediakan peruntukan RM80 juta untuk Tabung Bencana Pertanian dalam usaha membantu golongan berkecukupan yang terkesan akibat bencana alam.

Menyari Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata bantuan khas itu dijangka dapat memanfaatkan petani merangkumi pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun serta penternak yang kehilangan pengeluaran hasil tanaman.

"Sektor pertanian adalah penyumbang asas kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam menjamin bekalan makanan mencukupi dan selamat kepada rakyat.

"Ia tidak pernah dipinggirkan kerajaan, malah sentiasa menjadi agenda utama dalam memastikan perusaha dapat meningkatkan taraf hidup dan memberi tambahan pendapatan." Katanya ketika mengucap perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 peringkat dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan juga akan menaikkan kadar elaun sara hidup nelayan darat daripada RM200 kepada RM250 sebulan.

Kataanya, peningkatan kadar elaun itu akan membolehkan 3,400 nelayan darat berdaftar.

"Nelayan berperanan penting dalam meningkatkan pembangunan dan ekonomi industri perti-

Bantuan khas itu dijangka dapat memanfaatkan petani merangkumi pesawah, nelayan dan pengusaha akuakultur, pekebun serta penternak yang hilang pengeluaran hasil tanaman.

Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan

kanan, selain membantu memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

"Pertama Menteri sebelum ini sudah mengumumkan kenaikan elaun sara hidup nelayan daripada RM200 kepada RM300 sebulan yang memansuhkan lebih 40,000 nelayan.

"Justeru, kerajaan juga berancang menaikkan kadar elaun sara hidup nelayan darat," katanya.

Bagi pekebun kecil-kecil, Tengku Zafrul berkata, bantuan musim pengkaji (BMT) akan diteruskan dengan RM300 sebulan akan dibayar bulan depan, Januari 2021 dan Disember 2021.